



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JUNE 2016

## Yayasan Kepimpinan Perdana tidak lagi terima sumbangan

*um-25/6/2016*  
**KUALA LUMPUR 24 Jun** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan akan menghentikan penyaluran segala sumbangan kewangan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana yang diterajui bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan mendapati Yayasan Kepimpinan Perdana digunakan sebagai pusat untuk merancang kegiatan menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokratik melalui cara yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Menurut beliau, adalah tidak wajar bagi kerajaan untuk meneruskan sumbangan kepada yayasan tersebut.

"Kita tidak akan menyalurkan sama ada dari segi peruntukan kewangan, penyelenggaraan atau kakitangan yang dibekalkan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Ibu Pejabat UMNO, Menara Datuk Onn di sini hari ini.

Semalam, Pergerakan Pemuda UMNO melalui Naib Ketuaanya, Khairul Azwan Harun mendesak kerajaan menghentikan serta-merta segala bantuan dan dana kewangan yang disalurkan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana didakwa memeralatkan yayasan berkenaan untuk menjatuhkan kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri.

Najib yang juga Presiden UMNO memberitahu, semua kakitangan Yayasan Kepimpinan Perdana akan diberi notis pemberhentian yang sewajarnya.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam kenyataan melalui laman blognya (<http://www.chedet.cc>) hari ini menyatakan beliau akur dengan keputusan kerajaan tersebut.

"Memanglah menjadi hak kerajaan mengguna kuasa yang diberi oleh rakyat dengan apa cara sekali pun. Ini saya terima," jelasnya.